

PENDAFTARAN PERKAHWINAN PELARIAN ROHINGYA DAN PERLINDUNGAN NASAB

Khairunnisah Binti Sayed Ahmad Kabeer
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: khairunnisah94@raudah.usim.edu.my

Dina Imam Supaat
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: dina@usim.edu.my

Farhana Mohamad Suhaimi
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia
Email: farhanams@usim.edu.my

ABSTRAK

Pendaftaran perkahwinan adalah proses dokumentasi formal mengikuti prosedur yang termaktub di dalam undang-undang keluarga Islam. Tujuan pendaftaran perkahwinan adalah untuk merekod butiran penting perkahwinan yang akan diperlukan pada masa akan datang dan berperanan menyelesaikan pelbagai isu berkaitan pembentukan kekeluargaan. Bahkan, prosedur perkahwinan merupakan suatu sistem pentadbiran berbentuk keperluan (hajiyat) yang boleh dipelihara bagi mengelakkan kekeliruan tentang kesahan perkahwinan dan perihal ketidakjelasan yang berkaitan. Apabila pasangan yang berkahwin dapat memenuhi prosedur undang-undang, maka ianya sudah menjadi pelengkap (tahsiniyat) dengan hala tuju kesejahteraan kehidupan dan menghindari mudarat dalam kehidupan berkeluarga. Kajian ini memfokuskan perbezaan pendaftaran perkahwinan bagi bukan warganegara yang berstatus pelarian yang menjalankan pernikahan dibawah hukum syarak tanpa mengikuti prosedur undang-undang. Kajian ini menganalisa keperluan pendaftaran dibawah undang-undang, amalan pendaftaran perkahwinan pelarian Rohingya dan perlindungan nasab menggunakan kaedah kualitatif kepustakaan. Ia akan menerangkan prosedur perundangan keluarga Islam yang merangkumi elemen prinsip maqasid syariah melindungi keturunan terutamanya pelarian Rohingya. Seterusnya analisa akan dibuat untuk menilai semula amalan perkahwinan pelarian Rohingya dan cabaran perundangan dan kehakiman di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa perkahwinan pelarian Rohingya memerlukan pendaftaran dibawah undang-undang bagi menjamin kesahan sesuatu perkahwinan dan memelihara nasab. Ia juga memperlihatkan bahawa prinsip maqasid syariah adalah suatu garisan panduan yang memelihara kemaslahatan dalam melindungi hak wanita dan kanak-kanak dalam sesebuah keluarga daripada kemudaratan (daruriyat) yang berpanjangan.

Kata kunci: pelarian Rohingya, pendaftaran perkahwinan, undang-undang keluarga Islam, perlindungan nasab.

PENDAHULUAN

Rohingya adalah sekumpulan etnik beragama Islam yang telah dinafikan hak sebagai warganegara di negara Myanmar. Etnik ini dilayan seperti pendatang di negara sendiri akibat peperangan dan pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan oleh rejim tentera Myanmar. Oleh itu, pelarian Rohingya meninggalkan Myanmar demi mencari tempat perlindungan di negara lain termasuk di Malaysia. Malaysia adalah salah sebuah negara yang menerima pelarian atas dasar kemanusiaan. Kerajaan membenarkan pelarian yang memegang kad Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) untuk tinggal sementara di negara ini sebelum ditempatkan di negara ketiga. Bahkan, Malaysia tidak menandatangani Konvensyen 1951 Berkaitan Status Orang Pelarian (CRSR) dan Protokol 1967 Berkaitan Status Pelarian (PRSR). Anggaran jumlah pelarian Rohingya yang berdaftar di bawah UNHCR Malaysia adalah seramai 102,950 orang (UNHCR,2021). Seperti warganegara, pemegang kad UNHCR tidak terkecuali dari kuatkuasa undang-undang kerana orang pelarian berkewajipan mematuhi undang-undang negara yang didudukinya (CRSR, Artikel 2). Bagaimanapun, status pelarian Rohingya di bawah undang-undang Malaysia dikategorikan sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memegang kad UNHCR. Tanpa kad UNHCR, seseorang pelarian Rohingya yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah atau permit, boleh didakwa di bawah Seksyen 6(1) (c) Akta Imigresen 1959/1963 iaitu kesalahan tidak memiliki pas yang sah untuk berada di Malaysia, atau boleh juga didakwa di bawah seksyen 15(1) (c) akta yang sama kerana kesalahan tinggal melebihi tempoh masa pas yang ditetapkan.

Warga asing atau imigran adalah orang yang berhijrah dari negara asal ke negara lain secara sukarela menggunakan dokumen perjalanan yang sah iaitu passport yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa sesebuah negara dan disokong dengan dokumen rasmi yang lain. Ini berbeza bagi pelarian yang tiada dokumen perjalanan mahupun dokumen pengenalan diri yang lain dan lari daripada negara yang tidak selamat disebabkan oleh peperangan atau faktor-faktor lain yang merenggut kebebasan dan keselamatan. Dokumentasi UNHCR di Malaysia adalah untuk satu tujuan sahaja, yakni mengiktiraf status orang pelarian dan pemohon suaka yang perlukan perlindungan antarabangsa. Justeru, UNHCR berfungsi sebagai organisasi global yang didedikasikan untuk menyelamatkan nyawa, melindungi hak dan membina masa depan yang lebih baik untuk golongan berikut: pelarian, yakni golongan yang dipaksa meninggalkan kampung halaman dan negara asal, melintas sempadan antarabangsa dan lari ke negara lain untuk mendapatkan perlindungan; *internally displaced persons* (IDP) iaitu masyarakat yang terpaksa berpindah dari habitat asal tetapi masih kekal dalam negara asal dan tidak melintasi sempadan antarabangsa; dan orang-orang tanpa kewarganegaraan.

Tanpa pengiktirafan undang-undang secara jelas dan bertulis, pelarian Rohingya berdepan pelbagai cabaran dan kesukaran sepanjang berada di Malaysia kerana mereka tidak dapat menikmati hak yang tidak dijamin secara langsung dalam undang-undang domestik. Salah satu rintangan utama bagi masyarakat Rohingya di Malaysia adalah cabaran merealisasikan hak perkahwinan dan membina keluarga yang dilindungi undang-undang antarabangsa seperti dibawah artikel 23, Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak Sivill dan Politik (ICCPR) dan artikel 16 (3) Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Pendaftaran perkahwinan bagi bukan warganegara sangat mudah dilaksanakan dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan berbanding mereka yang berstatus pelarian. Dalam hal ini, amalan perkahwinan Rohingya muslim di Malaysia telah dilaksanakan dan diuruskan oleh masyarakat Rohingya sendiri tanpa keterlibatan pihak berkuasa (Mohd Jaber bin Mohd Subahan, 2016). Mereka bermazhab Hanafi dan mengadakan tatacara perkahwinan sendiri dengan melantik ustaz atau digelar *mullah* sebagai jurunikah dalam sesebuah pernikahan. Kemudian, pemilihan saksi sehingga dokumen surat nikah dikeluarkan oleh komuniti mereka sendiri.

Dalam masa yang sama, pihak berkuasa agama di Malaysia mengamalkan prinsip maqasid syariah dalam pentadbiran agama Islam termasuk pentadbiran keadilan. Konsep maqasid syariah adalah merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki *syarak* dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia. ‘Allamah Muhammad Thahir ibn ‘Asyur telah mendefinisikan maqasid syariah (Maqasid as-Shari’ah al-Islamiyah, 2001):

المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها، بحيث لا تختص ملاحظتها بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة.
Makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurutan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum Syarak yang tertentu.

Dr. Wahbah al-Zuhaili mendefinisikan maqasid syariah sebagai makna dan tujuan yang ditekankan dalam semua undang-undang atau sebahagian besarnya atau merupakan tujuan syariah dan rahsia yang ditetapkan oleh syariah dalam setiap undang-undang (Usul al-Fiqh al-Islami, 1996). Hashim Kamali (2008) menggambarkan maqasid syariah sebagai tujuan dan objektif undang-undang Islam.

Bagi menjelaskan operasi maqasid syariah, perbincangan boleh dibuat berkenaan pembahagian maqasid syariah dari sudut kepentingannya kepada *masalah* manusia kepada tiga peringkat, iaitu *al-daruriyat* (memerlukannya dan bergantung kepadanya), *al-hajiyat* (memberikan kemudahan) dan *al-tahsiniyat* (menyempurnakan). Yusuf al-Qardhawi (2011) telah menjelaskan bahawa *daruriyyat* adalah sesuatu keadaan sekiranya sesuatu keperluan itu tidak dapat dipenuhi akan menyebabkan kemusnahan aspek utama kehidupan seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tanpa perkara-perkara yang dikelaskan sebagai *al-daruriyat*, manusia akan mengalami kesukaran dalam kehidupan di dunia mahupun akhirat. Setiap urusan agama dibina atas perkara-perkara ini mengikut keutamaan yang telah ditetapkan oleh para ulama’. Sebagai contoh, dibolehkan memakan bangkai apabila ketika lapar sekiranya tidak ada makanan yang baik / halal untuk dimakan demi menyelamatkan diri dari kelaparan. Bangkai adalah suatu perkara yang haram akan tetapi ianya berubah hukum kepada harus apabila berlaku kemudaratan ke atas dirinya demi memelihara nyawa. Oleh itu, beberapa jenis kaedah hukum *fiqh* berubah mengikut masa dan tempat bergantung terhadap kemudaratan atau kesukaran bagi sesuatu keadaan.

Matlamat kajian ini adalah untuk menunjukkan kepentingan dan peranan undang-undang keluarag Islam dan maqasid syariah dalam melindungi nasab pelarian Rohingya. Kajian ini akan menerangkan tatacara pendaftaran perkahwinan bagi bukan warganegara terutama pelarian Rohingya menurut undang-undang berkaitan perkahwinan keluarga Islam di Malaysia dan perlindungan nasab. Kajian ini juga menganalisa cabaran perundangan dan kehakiman syariah terhadap amalan perkahwinan pelarian Rohingya di Malaysia. Melalui kaedah kualitatif kepustakaan dan analisis undang-undang, kajian ini mengenalpasti dan menganalisa keperluan pendaftaran perkahwinan pelarian Rohingya di Malaysia dan kaitannya dengan perlindungan nasab.

PENDAFTARAN PERKAHWINAN PELARIAN ROHINGYA MENURUT UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

Undang-undang didefinisikan sebagai sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal (dibuat) oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh rakyat atau masyarakat dalam sesebuah negara demokrasi. Undang-undang yang dibuat oleh Parlimen mesti diikuti oleh setiap orang (Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Tujuan undang-undang adalah menyediakan peraturan yang mesti dipatuhi oleh masyarakat dengan cara menetapkan suatu had ataupun batasan dalam sesuatu perkara. Bahkan, ia mewujudkan ketenteraman dan menggalakkan keadilan sosial bersama dikalangan masyarakat (Shamrahayu Abd Aziz, 2015). Peranan undang-undang juga memberi suatu hukuman mahupun penalti bagi mereka yang melanggar undang-undang untuk mendidik dan mengadili dalam sesuatu hak (Jelani Harun, 2008). Perkahwinan pula adalah kontrak ataupun dokumen yang sah di antara hubungan jantina yang membentuk institusi kekeluargaan yang mendatangkan kesan kepada peraturan kehidupan manusia (JAKIM, 2013). Undang-undang keluarga Islam diperkenalkan bagi menjamin pembentukan keluarga dan perlindungan nasab yang sah.

Undang-undang perkahwinan dan maqasid syariah saling berkaitan demi melindungi nasab dan keturunan. Islam mewajibkan perkahwinan di antara lelaki dan perempuan diakad secara sah dari sudut perundangan dan *syarak* sebagai memelihara keturunan dan pada masa yang sama mencegah daripada perlakuan jenayah syariah seperti penzinaan yang boleh membawa kepada kerosakan terhadap keturunan. Perundangan berkaitan perkahwinan Muslim di Malaysia jelas dapat memastikan perlindungan nasab dan sewajarnya digunapakai ke atas semua perkahwinan orang Islam. Berdasarkan seksyen 4 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 dan seksyen 4 Akta Undang-Undang Keluarga (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, memperuntukkan pemakaian atau aplikasi perundangan keluarga Islam adalah ke atas semua orang Islam yang tinggal ataupun bermastautin dalam Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Oleh itu, seharusnya enakmen dan akta tersebut terpakai kepada semua orang Islam tanpa mengira latar belakang sosio ekonomi, negara asal seseorang mahupun status kewarganegaraan dan imigrasi. Perkahwinan yang

dijalankan mengikut *Syarak* hendaklah mematuhi keperluan di bawah undang-undang keluarga Islam demi melindungi wanita dan kanak-kanak dari penganiayaan seperti ketiadaan dokumen pendaftaran perkahwinan yang diperlukan untuk membuat tuntutan terhadap suami atau bapa seperti nafkah isteri dan anak.

Peraturan perkahwinan Islam di Malaysia telah mewajibkan pendaftaran. Sebelum mendaftar perkahwinan, pihak-pihak wajib mengisi borang kebenaran nikah serta melampirkan dokumen seperti kad pengenalan ataupun pasport, sijil kelahiran dan sijil nikah ibu bapa. Pihak berkuasa agama akan menyasiat status dan latar belakang individu sebelum dibenarkan berkahwin. Pengesahan ini dilakukan oleh Pendaftar Nikah Kahwin Ruju' yang telah ditauliahkan oleh Sultan/Raja. Apabila borang telah lengkap dan tiada keraguan dalam dokumen yang dilampirkan maka pernikahan akan dapat dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan. Ketegasan dalam pendaftaran perkahwinan sangat wajar sebagai satu didikan kepada rakyat akibat mengambil enteng perkahwinan yang tidak mengikut prosedur.

Merujuk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS 2003), di bawah Seksyen 19, kebenaran pihak berkuasa adalah keperluan mandatori sebelum berakad nikah. Sesuatu perkahwinan hanya boleh diakadnikahkan setelah suatu kebenaran berkahwin diberi oleh Pendaftar di bawah Seksyen 17 atau oleh Hakim Syarie di bawah seksyen 18, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin dalam Negeri Selangor.; atau jika bagi perkahwinan yang melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di sesuatu negeri, kebenaran dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang hak bagi sesuatu negeri itu. Pernikahan yang dijalankan tanpa kebenaran adalah satu kesalahan, sama ada pihak-pihak yang berkahwin mahupun yang mengadnikahkan. Penalti bagi kesalahan bernikah tanpa kebenaran dinyatakan di bawah Seksyen 40 EUKIS 2003, iaitu denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Bagi kesalahan mengadnikahkan tanpa kebenaran, penalti diperuntukkan di bawah Seksyen 39 EUKIS 2003 adalah sama dengan Seksyen 40 EUKIS 2003.

"Seksyen 39:

Seseorang yang mengadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengadnikahkan sesuatu perkahwinan manakala dia tidak diberi kuasa di bawah Enakmen ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

"Seksyen 40:

(1) Seseorang yang dengan diketahuinya mengadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengadnikahkan atau menjalankan upacara sesuatu perkahwinan—

(a) tanpa ada kebenaran berkahwin sebagaimana dikehendaki oleh seksyen 19; atau

(b) di hadapan selain di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh dipercayai di samping orang yang mengadnikahkan perkahwinan itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

(2) Seseorang yang berkahwin atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai akad nikah atau yang menjalani sesuatu cara akad nikah dengan sesiapa jua berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu."

Amalan sebenar pendaftaran perkahwinan dan penceraian masyarakat Rohingya di Malaysia sangat berbeza di mana mereka tidak dilindungi oleh undang-undang keluarga Islam sedia ada. Bahkan masyarakat Rohingya melaksanakan perkahwinan dan penceraian dengan menguruskan pendaftaran mereka dibawah komuniti Rohingya seperti Majlis Ulama Rohingya (MUR) yang ditubuhkan oleh komuniti muslim Rohingya yang terdiri daripada *Mullah* atau ustaz yang dilantik di kalangan mereka sendiri yang mempunyai latar belakang pendidikan madrasah. Bagi pasangan Rohingya yang hendak berkahwin, mereka akan berjumpa dengan ustaz/*mullah* untuk kebenaran berkahwin. *Mullah* akan menyasiat latar belakang pasangan dengan soalan-soalan lisan. Kemudian, pasangan ini mesti menghadirkan saksi dari kalangan keluarga untuk pengesahan status perkahwinan pihak-pihak. Seterusnya, apabila *Mullah* berpuas hati akan laporan siasatan tersebut, maka MUR akan meluluskan permohonan dan mengeluarkan dokumen/sijil perkahwinan. Begitu juga dengan perihal penceraian dimana MUR yang akan mengesahkan dan mengeluarkan dokumen/sijil cerai.

PERLINDUNGAN NASAB DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Keutamaan maqasid syariah adalah menjaga kemaslahatan dan membendung kemudaratan yang merangkumi lima aspek perlindungan yang sangat penting dan berkait rapat dengan kesan lahirnya syariat perkahwinan dan hukum kekeluargaan. Perkahwinan adalah suatu tuntutan dalam agama. Ia juga merupakan sunnah Rasulullah SAW yang dianjurkan berdasarkan nas al-quran dan hadis, inilah fitrah yang dilalui oleh manusia dalam membina kehidupan dengan sempurna. Perkahwinan dibina dengan niat kerana Allah dan diamalkan mengikut ajaran Islam, dengan matlamat melahirkan zuriat yang soleh dan solehah untuk menyebarkan dakwah Islamiyah diatas muka bumi. Firman Allah Taala dalam surah Al-Imran ayat 34:

ذُرِّيَّةً بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

(Mereka kembang biak sebagai) satu keturunan (zuriat) yang setengahnya berasal dari setengahnya yang lain. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Mengetahui.

Sehubungan itu, perlindungan nasab juga memberikan perlindungan fizikal dan mental kepada individu. Peranan perkahwinan memenuhi fitrah manusia yang melengkapinya antara satu sama lain iaitu berkongsi sayang, saling mempercayai dalam membina kesejahteraan mental di antara pasangan. Bahkan wajib suami isteri merealisasikan hubungan dengan menghormati keadaan pasangan dari sudut pemikiran, jiwa dan perasaan. Konsep perkahwinan sejajar dengan perspektif Islam yang melindungi keperluan fitrah manusia serta mendidik manusia untuk bersosial secara saksama tidak melebihi batas. Ini dapat dilihat dalam ayat 4 surah At-Tin:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ

Sungguh, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya

Juga di dalam hadis Rasulullah SAW:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ " قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنْ أَكْمَلِ الْمُؤْمِنِينَ إِيْمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَأَلَطْفُهُمْ بِأَهْلِهِ

Diriwayatkan daripada Aisyah RA daripada Rasulullah SAW, baginda bersabda: Sesungguhnya daripada orang beriman yang paling sempurna ialah yang paling baik akhlakunya dan yang paling mesra melayan ahli keluarganya. (Riwayat al-Tirmidhi (2612))

Perkahwinan juga mewujudkan perwarisan. Pernikahan yang tidak sah tidak membolehkan berlakunya perwarisan pusaka. Dengan itu, harta pusaka tidak boleh diwarisi antara suami isteri sekiranya pernikahan mereka itu ialah pernikahan yang rosak (*fasid*) walaupun telah berlakunya persetubuhan mahupun khalwat antara mereka berdua seperti pernikahan tanpa wali, atau pernikahan tanpa saksi, begitu juga nikah *mut'ah*. Selain itu, perwarisan juga tidak boleh berlaku disebabkan perbuatan zina dan juga disebabkan *wat'ie syubhah* (persetubuhan syubhah). Imam al-Rahabi dalam (Kitab Hashiyah Syekh Ibrahim Al-Bajuri Ala Syarah A'laqati Ibnu Qayyim Al-Ghazi Ala Matan Syekh Abi Syujak Fi Al-Fiqh Mazhab Imam Syafie, 2009) mengatakan bahawa:

أسباب ميراث الوري ثلاثة ... كل يقيد ربه الوراثة
وهي نكاح وولاء ونسب ... ما بعدهن للموارث سبب

*Sebab mewarisi pusaka manusia ada tiga,
Semua yang ada sebab ini akan mewarisi pusaka,
Iaitu pernikahan, wala' dan keturunan,
Tiada yang lain selain tiga sebab ini*

Perkahwinan ini disyariatkan untuk melindungi manusia daripada fitnah, menjauhkan manusia dari permasalahan keturunan seperti masalah tidak mengetahui siapa bapa kerana perlakuan zina. Selain itu, dalam perkahwinan adanya rukun nikah iaitu pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali, dua orang saksi dan lafaz sighth ijab dan qabul. Dalam perihal ini, paling utama wajib ada wali dan saksi yang keduanya menjadi peneguh dan pembela jika kesalahfahaman berlaku. Persetujuan wali juga menjadi simbol peralihan tanggungjawab seorang bapa kepada seorang suami.

Dalam (Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al-Imam al-Shafei, 1992) mengatakan syarat sah nikah bagi sesebuah perkahwinan mempunyai syarat-syarat tertentu. Bagi syarat-syarat bakal suami Islam, lelaki yang tertentu, bukan mahram dengan bakal isteri, bukan dalam ihram haji atau umrah, dengan kerelaan sendiri (tidak sah jika dipaksa), mengetahui wali yang sah bagi akad nikah tersebut, mengetahui bahawa perempuan itu boleh dan sah dinikahi, serta tidak mempunyai empat orang isteri yang sah dalam satu masa. Kemudian, syarat-syarat bakal isteri ialah Islam, bukan seorang khunsa, perempuan yang tertentu, tidak dalam keadaan iddah, bukan dalam ihram haji atau umrah, dengan rela hati (bukan dipaksa kecuali anak gadis), bukan perempuan mahram dengan bakal suami, bukan isteri orang atau masih ada suami. Seterusnya, syarat wali ialah adil, Islam, baligh, lelaki merdeka, tidak fasik, kafir atau murtad, bukan dalam ihram haji atau umrah, waras iaitu tidak cacat akal fikiran atau gila, dengan kerelaan sendiri dan bukan paksaan, tidak muflis atau ditahan kuasa atas hartanya. Wali adalah syarat sah wajib bagi bakal isteri dalam mewalikan pernikahannya. Sekiranya Wali nasab tidak boleh menikahkannya disebabkan masalah-masalah tertentu, maka mestilah ia mengikut turutan perpindahan wali menurut hukum *syarak*.

Selain itu, kesahataran anak sangat dititikberatkan dalam pensabitan anak. Hukum *syarak* mengenai kesahataran daripada Hadis Rasulullah SAW seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا لَيْثٌ، ح وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ رُمْحٍ، أَخْبَرَنَا اللَّيْثُ، عَنْ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ عُرْوَةَ، عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّهَا قَالَتْ اخْتَصَمَ سَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ وَعَبْدُ بْنُ زَمْعَةَ فِي غُلَامٍ فَقَالَ سَعْدٌ هَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ ابْنُ أَبِي عَتْبَةَ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ عَهْدَ إِلَى أَنَّهُ ابْنُهُ أَنْظِرْ إِلَى شَبِيهِهِ وَقَالَ عَبْدُ بْنُ زَمْعَةَ هَذَا أَخِي يَا رَسُولَ اللَّهِ وَوَلَدَ عَلِيَّ فَرَأَى مِنْ وَلِيدَتِهِ فَنَظَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى شَبِيهِهِ فَرَأَى شَبِيهَا بَيْنًا بَعْتَبَةَ فَقَالَ " هُوَ لَكَ يَا عَبْدُ الْوَلَدِ لِلْفَرَّاشِ وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرِ وَاحْتَجِبِي مِنْهُ يَا سَوْدَةَ بِنْتُ زَمْعَةَ " . قَالَتْ فَلَمْ يَرِ سَوْدَةَ فَطَوَّأَتْ لَمْ يَذْكُرْ مُحَمَّدُ بْنُ رُمْحٍ قَوْلَهُ " يَا عَبْدُ " .

Daripada Aisyah RA: "Sa'ad bin Abu Waqqash dan Abd Zam'ah pernah bertengkar mengenai seorang anak. Sa'ad berkata: "Wahai Rasulullah, anak ini adalah anak saudaraku 'Utbah bin Abu Waqqash. Dia mengatakan kepada saya bahawa ini adalah anaknya. Lihatlah, bukankah anak ini mirip ayahnya itu?". Abd bin Zam'ah berkata: "Wahai Rasulullah, ini adalah saudaraku, dia lahir daripada katil ayahku hasil perkahwinannya dengan isterinya". Rasulullah SAW kemudian meneliti dan mendapati anak itu mirip dengan 'Utbah. Baginda bersabda: "Ia menjadi milikmu wahai Abd bin Zam'ah. Anak menjadi milik suami isteri yang sah dan orang yang berzina dijatuhi hukuman rejam". (Sahih Muslim (1457))

Berdasarkan hadis tersebut, anak tidak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu, mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali. Status tak sah taraf menyebabkan anak kehilangan segala haknya sebagai anak. Isu

ketidakahtarafan anak memberi kesan kepada pelantikan wali hakim, kes pembahagian harta pusaka dan kes pengesahan perkahwinan perlu dibuat di Mahkamah Rendah Syariah. Oleh yang demikian, kesedaran mengenai perkahwinan perlu dipertingkatkan dan menjadi wadah generasi berkualiti dalam masyarakat Islam agar anak yang dilahirkan tidak teraniaya dan mendapat hak sewajarnya.

AMALAN PERUNDANGAN SYARIAH BERKAITAN PERKAHWINAN PELARIAN ROHINGYA DAN CABARAN PERLINDUNGAN NASAB

Amalan perkahwinan pelarian Rohingya di Malaysia mendatangkan cabaran ke atas perundangan dan institusi kehakiman. Malaysia mempunyai 14 belas negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Sebahagian besar negeri mempunyai Sultan yang merupakan ketua agama dan ketua bagi mentadbir hal ehwal negeri yang menggubal undang-undang. Undang-undang keluarga Islam adalah dibawah kuasa perundangan negeri berdasarkan Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan. Perkahwinan pelarian mendatangkan kesan negatif apabila tidak dijalankan mengikut undang-undang sedia ada.

Terdapat wujudnya perbezaan layanan bagi bukan warganegara yang melibatkan berstatus warga asing dan pelarian dalam mengikut undang-undang keluarga Islam. Pemakaian undang-undang keluarga Islam ke atas bukan warganegara sangat mudah dipenuhi sekiranya mengikut syarat-syarat pendaftaran perkahwinan. Syarat paling utama dalam prosedur pendaftaran perkahwinan bagi warga asing ialah pasport sebagai dokumen perjalanan yang sah dan dibenarkan oleh pihak imigresen. Kemudian, melalui proses kedutaan bagi mendapatkan pengesahan kebenaran untuk berkahwin. Sekiranya menunjukkan dokumen permit bekerja, tidak dibenarkan melainkan pas sosial atau perniagaan. Mahkamah Syariah menerima kes pendaftaran perkahwinan bagi bukan warganegara dengan syarat memenuhi prosedur yang digariskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Pendaftar perkahwinan, penceraian dan rujuk akan memastikan dokumen yang mesti dilampirkan oleh pasangan warga asing mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 6 bulan, seperti passport asal, Visa, kad pengenalan diri, gambar ukuran pasport, surat lahir dari negara asalnya, surat pengesahan masuk agama Islam daripada pejabat agama, surat pengesahan status perkahwinan dan surat pengesahan duta daripada negara Malaysia. Sekiranya golongan ini didapati bersalah tidak mendaftar perkahwinan, maka, bahagian pendakwaan boleh mendakwa mereka di Mahkamah Syariah sehingga dijatuhkan suatu hukuman ataupun penalti.

Cabaran pertama pengurusan perkahwinan pelarian Rohingya adalah amalan mendaftarkan perkahwinan mereka dengan badan bukan kerajaan (NGO) komuniti yang diiktiraf oleh pihak berkuasa seperti MUR, NGO yang mendapat sokongan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). MUR dibenarkan menguruskan hal ehwal Islam bagi komuniti Rohingya tetapi MUR tiada kuasa untuk mewajibkan komuniti Rohingya mendaftarkan perkahwinan mereka. MUR juga bertanggungjawab dalam mengeluarkan sijil nikah bagi pelarian Rohingya yang mendaftarkan perkahwinan. Bagaimanapun, tiada siapa yang dapat mengekang tindakan pelarian Rohingya berani berkahwin secara senyap-senyap atau "kahwin lari" tanpa memaklumkan kepada komuniti mereka. Pelarian Rohingya tidak mempunyai badan komuniti yang kuat dalam mentadbir kumpulan etnik mereka. Pelarian Rohingya bermazhab Hanafi yang mengutamakan sekufu berbanding Muslim di Malaysia yang bermazhab Syafie yang mengutamakan wali dalam sesebuah pernikahan. Bagi yang menikahkan iaitu kelayakan jurunikah/ qadhi yang telah dilantik oleh MUR mestilah lelaki, dan mempunyai sijil madrasah. Pelantikan dan pengiktirafan qadhi yang dilantik oleh NGO seperti MUR telah menimbulkan keraguan di mana tiada undang-undang dan panduan yang dapat menentukan kelayakan pemohon untuk menikahkan seperti pertauliah qadhi atau jurunikah negeri-negeri di Malaysia yang ditauliahkan secara rasmi oleh Sultan/Raja.

Cabaran seterusnya adalah kesan terhadap isteri dan anak-anak. Selepas perceraian wanita Rohingya mungkin tidak menjalani tempoh 'iddah yang sempurna kerana tidak diperintahkan oleh mahkamah syariah sebagaimana wanita berstatus warganegara. Ada di kalangan mereka berkahwin semula di Malaysia sedangkan tempoh iddah belum berakhir, atau masih berstatus isteri orang, kerana perkahwinan terdahulu di Myanmar. Ramai pasangan Rohingya tidak mendaftarkan perceraian mereka dengan badan komuniti seperti MUR yang akan mengeluarkan sijil cerai.

Di samping itu, proses mendapatkan sijil kelahiran anak pasangan Rohingya juga tidak mudah. Pasangan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) dikehendaki melampirkan dokumen status pelarian dari UNHCR, dokumen pernikahan dan status kewarganegaraan sebelum pihak Jabatan Pendaftaran Negara dapat mengeluarkan sijil kelahiran anak. Bagi mereka yang tidak mempunyai sijil nikah dan dokumen status pelarian, anak yang lahir tidak boleh diberi sijil kelahiran. Ini akan mendatangkan kesan kepada status pelarian, pendidikan dan perkahwinan anak. Tanpa sijil kelahiran, perakuan dan pengesahan nasab tidak dapat dilakukan, lebih-lebih lagi apabila telah berlaku perceraian; pasangan telah bermigrasi ke negara lain atau tidak dapat dikesan. Tuntutan nafkah terhadap suami atau bapa di mahkamah syariah memerlukan dokumen sah perkahwinan dan kelahiran. Tanpa dokumen-dokumen ini, golongan yang teraniaya tidak akan dapat mengakses system keadilan kekeluargaan.

Masalah pewarisan adalah antara cabaran besar untuk pelarian Rohingya. Oleh kerana pengurusan perkahwinan tidak dijalankan secara sempurna mengikut hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam, ia telah meninggalkan kesan kepada pewarisan yang sangat berkait rapat dengan keturunan. Waris menghadapi masalah untuk memenuhi pembuktian pewarisan kerana dokumen dan keterangan diri yang tidak sempurna. Ramai pelarian Rohingya di Malaysia yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah, atau sijil perkahwinan yang diragui atau palsu. Peranan NGO seperti MUR yang merekodkan kesahan sijil perkahwinan dan perceraian tidak memadai.

Perbincangan di atas telah menunjukkan bahawa amalan perkahwinan pelarian muslim Rohingya di Malaysia tidak sejajar dengan kehendak maqasid syariah dalam perlindungan nasab. Amalan yang tidak selari dengan undang-undang umum perkahwinan Islam di Malaysia menyebabkan kebajikan pelarian Rohingya terutama kaum waniat dan kanak-kanak semakin terpinggir. Ini bukan saja mendatangkan kesusahan kepada pelarian Rohingya bahkan kepada penduduk setempat dan pihak berkuasa. Adalah mustahil untuk

mendakwa bahawa masalah pendaftaran perkahwinan Rohingya tidak mendatangkan apa-apa implikasi terhadap komuniti Malaysia. Kemudaratan yang dialami oleh pihak-pihak yang terkesan akibat perkahwinan dan perceraian yang tidak didaftarkan dan diuruskan dengan baik mempunyai implikasi besar kepada banyak pihak. Sebagai contoh, apabila wanita dan kanak-kanak tidak mendapat nafkah mereka akan berisiko untuk hidup dalam kemiskinan. Kemiskinan akan membawa kepada pengabaian kesihatan, perkahwinan kanak-kanak, keciciran pendidikan, kanak-kanak terpaksa bekerja dan menjadi mangsa penderogangan manusia.

KESIMPULAN

Keterbatasan pemakaian undang-undang menjadi suatu faktor penghalang besar ke atas pelarian Rohingya dalam mencapai prinsip perlindungan nasab. Dengan itu, pengamalan perkahwinan pelarian Rohingya sehingga kini hanyalah memenuhi rukun *syarak* dan usaha komuniti berkenaan dalam membantu menguruskan pendaftaran perkahwinan sangat terbatas. Namun begitu, hakikatnya undang-undang keluarga Islam yang sedia ada di Malaysia boleh dilaksanakan ke atas pelarian Rohingya dan ianya sejajar dengan maqasid syariah untuk melindungi nasab dan keturunan. Sistem kekeluargaan bagi pelarian Rohingya hendaklah diberikan hak sewajarnya oleh pihak berkuasa untuk memastikan kumpulan rentan seperti mereka diberikan peluang dalam mengakses sistem keadilan untuk mempertahankan perkahwinan, nasab dan hak pewarisan.

RUJUKAN

- Abdul Syukur bin Mohamad Hussein. (2019). Prosedur perkahwinan Rohingya di Myanmar dan Malaysia. *Temubual*. Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155)
- Al-Quran
- Allal al-Fasi, 1993, Maqasid as-Syari'ah wa Makarimuh, Darul Gharb al-Islamiy, hal. 7
- Awang Nib Zuhairi Bin Awang Ahmad & Hadenan Bin Towpek & Abdul Razak Bin Abdul Kadir. (2021). *Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid Syariah Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Sarawak: Satu Tinjauan Awal*. Azka International Journal of Zakat & Social Finance. Vol.1 No.2.
- Badan Perundangan Negeri Selangor. (2003). *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003*. (Pindaan Sel. En. 13/2003).
- Frances Nicholson. (2018). *The Right to Family Life and Family Unity of Refugees and Others in Need of International Protection and the Family Definition Applied*. Division of International Protection United Nations High Commissioner For Refugees (UNHCR).
- Hadis Sahih. *Sahih Muslim*. <https://sunnah.com/muslim:1457a>
- Jabatan Imigresen Malaysia. (2017). Warga Asing. <https://www.imi.gov.my/portal2017/index.php/ms/component/tags/tag/2-warga-asing.html>
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2017). *Permohonan perintah pengesahan dan pendaftaran perkahwinan (4P)*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2019). Penangguhan Pendaftaran Perkahwinan Yang Melibatkan Pelarian Di Malaysia. *Rujukan JKSM.500-4/3/9 Jld 4(10)*
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Kembalikan Sinar Rohingya*. <http://www.islam.gov.my/e-khutbah/797-kembalikan-sinar-rohingya>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2013). Panduan Pengurusan Nikah. https://sppim.gov.my/pdf/panduan/panduan_pengurusan_nikah.pdf.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (10 Oktober 2019). Bayan Linnas Siri Ke - 216: Islam, Joker Dan Stigma Masalah Mental. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3733-bayan-linnas-siri-ke-216-islam-joker-dan-stigma-masalah-mental>
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (12 September 2017). Bayan Linnas Siri Ke-113: Abaikan Penghinaan, Teruskan Membantu Rohingya!. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/668-bayan-linnas-siri-ke-113-abaikan-penghinaan-teruskan-membantu-rohingya>
- Jabatan Pendaftaran Negara. Category Marriage. <https://www.jpn.gov.my/en/category/marriage-en/>
- Jaber. (2018). Cara pelaksanaan perkahwinan Pelarian dikalangan komuniti Rohingya. *Majlis Ulama Rohingya. Temu bual*.
- Jami' at-Tirmidhi. Book 40, Hadith 7. Vol. 5, Book 38, Hadith 2612. <https://sunnah.com/tirmidhi:2612>
- Jelani Harun (2008). *Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London*. Sari 26. ATMA. 127 - 148 .
- Khin, M., al-Bugha, M. & al-Sharbaji, A. (1992). *Fiqh al-Manhaji ala Mazhab alImam al- Shafei* (Jld. 4.). Damsyik: Dar al-Qalam
- Majlis Agama Islam Selangor. Maqasid Syariah. <https://www.mais.gov.my/maqasid-syariah/>
- Maktab Al-Labnon Wa Darasat. *Hashiyah Syeikh Ibrahim Al-Bajjuri Ala Syarah A'laqati Ibnu Qayyim Al-Ghazi Ala Matan Syeikh Abi Syujak Fi Al-Fiqh Mazhab Imam Syafie*. Darul Fiqr. Juzuk 2 hlm.98.
- Muhammad al-Tahir Ibn 'Asyur. 2001. "Maqasid as-Syari'ah al-Islamiyah". Darul nafais. Jordan.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (25 Januari 2019). Al-Kafi #1064: Tanggungjawab Sebuah Perkahwinan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3049-al-kafi-1064-tanggungjawab-sebuah-perkahwinan>.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (03 Julai 2019). Bayan Linnas Siri Ke-189: Maqasid Syariah Dalam Perubatan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan>.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (08 Februari 2019). Irsyad Usul Al-Fiqh Siri Ke- 33: Pendahuluan Kepada Ilmu Maqasid Syariah. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33-pendahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah>.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (27 April 2020). Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-504: Hukum Pusaka Bagi Wanita Yang Dicerai. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4478-irsyad-al-fatwa-siri-ke-504-hukum-pusaka-bagi-wanita-yang-dicerai>.

- Alawi Abbas Al-Maliki & Hasan Sulaiman An-Nuri, Kitab *Subul al-Salam, Ibanah al-Ahkam Syarah Bulugh al-Maram*, Hadis No.354, 3:588).
- Nuruddin bin Mokhtar Al-Khadimi. (2006). *Ilmu Maqasid Shariah*. Obekan Publisher & Booksellers. Perlembagaan Persekutuan 1957
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=undang-undang>.
- Sa'odah binti Ahmad & Rojanah binti Kahar. *Anak Tak Sah Taraf Dalam Konteks Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*. United Nation Human Rights Office of The High Commissioners. (2021). Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. <https://www.ohchr.org/en/udhr/pages/Language.aspx?LangID=mli>.
- Shamrahayu Abd Aziz. (2015). Objektif Undang-Undang. <https://ikimfm.my/objektif-undang-undang/>
- United Nations Children's Emergency Fund. (2020). Perkahwinan Kanak-Kanak di Malaysia. https://www.unicef.org/malaysia/ms/media/1796/file/Child_Marriage_factsheet_BM.pdf.
- United Nations High Commissioner of Refugee. Semak Fakta Pelarian. <https://www.unhcr.org/en-my/semak-fakta-pelarian-mana-fakta-mana-mitos.html>.
- United Nations. Universal Declaration of Human Rights. <http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/>.
- Wahbah al-Zuhaili, (1996), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik : Dar al-Fikr, jld. 2, hlm. 1017.
- Wilayah Persekutuan. (1984). *Akta Undang-Undang Keluarga Islam (WilayahWilayah Persekutuan) 1984*. (Pindaan P.U.(A)247/2002.).
- Yusuf al-Qardawi (2011). *Fiqh Keutamaan (Fiqhul Aulawiyyat)*. Perniagaan Jahabersha, Johor Baharu. Johor Darul Takzim.
- Zulfaqar Mamat & Rodziana Mohamed Razali. (2020). Pengurusan Perkahwinan Masyarakat Rohingya Di Malaysia Menurut Perspektif Undang-Undang Dan Syariah. *Undang-undang dan Syariah. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(2), 243-274. Universiti Sains Islam Malaysia.